

12 DEC 2002

Sorotan-Politik

2002 - TAHUN BANYAK KEJUTAN DALAM ARENA POLITIK NEGARA

Oleh: Ahmad Fuad Yahaya

KUALA LUMPUR: Tahun 2002 membawa banyak kejutan dalam arena politik negara, membabitkan pelbagai perubahan dalam kerajaan dan kepimpinan parti, termasuk parti pembangkang.

Kejutan terbaru ialah pembatalan pendaftaran sebuah parti politik setelah 41 tahun memainkan peranan tidak kurang pentingnya di Sarawak.

Namun, kemuncak segala kejutan itu ialah pengumuman Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Jun untuk meletak jawatan sebagai Perdana Menteri serta melepaskan semua jawatan parti.

Rakyat umumnya dan para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional yang memerintah tersentak dengan berita itu dan sekali gus merayu serta memujuk beliau supaya mengubah fikirannya, namun akhirnya mereka terpaksa akur dan menghormati hasrat beliau.

Dengan keputusan Dr Mahathir untuk bersara selepas menerajui negara selama 21 tahun sebagai Perdana Menteri keempat, Malaysia dijangka menyaksikan satu lagi peralihan kuasa secara teratur dan licin selepas Oktober tahun depan, iaitu selepas sidang kemuncak Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Menjelang tarikh itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka mengambil alih pucuk pimpinan sebagai Perdana Menteri Kelima.

Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab yang ingin melihat kestabilan politik yang berterusan, Dr Mahathir telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya dan telah berkata bahawa beliau melihat Datuk Seri Najib Tun Razak, naib presiden Umno yang juga Menteri Pertahanan sebagai calon paling layak untuk dilantik timbalan perdana menteri.

PBS KEMBALI KE PANGKUAN BN

Tahun ini juga menyaksikan beberapa perkembangan menarik di kalangan parti pembangkang, termasuk Parti Bersatu Sabah (PBS) yang meraih sokongan kalangan Bumiputera bukan Islan di Sabah dan PAS.

PBS di bawah Huguan Siou atau pemimpin agung komuniti Kadazandusun, Datuk Joseph Pairin Kitingan, kembali ke pangkuan BN pada 23 Januari selepas 11 tahun sebagai parti pembangkang.

Kemasukan semula PBS ke dalam BN jelas mencerminkan kesediaan gabungan parti pemerintah itu memaaf dan melupakan bekas anggota komponennya yang pernah menikamnya dari belakang. PBS meninggalkan BN menjelang pilihan raya umum 1990, dan menyertai pakatan pembangkang.

Bukan sekadar itu, Dr Mahathir selaku pengerusi BN baru-baru ini menghulurkan jemputan terbuka kepada semua parti pembangkang untuk menyertai kerajaan campuran dan mendokongi konsep BN untuk berkongsi kuasa.

Kemasukan semula PBS memberi laluan mudah kepada BN menumpaskan lawannya daripada DAP dan KEADILAN pada pilihan raya kecil kerusi Parlimen Gaya 12 Oktober lepas. Majoriti undi yang diperolehi calonnya Liew Teck Chan meningkat tiga kali ganda berbanding pilihan raya umum 1999.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan penyingkiran bekas Ketua Menteri Sabah yang juga presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee sebagai Ahli Parlimen Gaya oleh Pesuruhjaya Pilihan raya pada 18 Sept.

PAS KEHILANGAN PEMIMPIN VETERAN

Bagi PAS, tahun 2002 memberi tamparan hebat kepadanya kerana selain kehilangan presidennya Datuk Haji Fadzil Noor yang meninggal dunia pada 23

Jun, ia turut kehilangan kerusi Parlimen Pendang (yang dulunya disandang oleh Fadzil) pada pilihan raya kecil 18 Julai.

Calon Pas Dr Mohamed Hayati Othman kecundang di tangan calon BN Datuk Othman Abdul.

Bagaimanapun pada tarikh yang sama, PAS berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit yang sebelum itu juga disandang oleh Fadzil. Ini sekali gus menggagalkan usaha BN untuk memperolehi semula majoriti dua-pertiga di Dewan Undangan Negeri Kedah.

BN Kedah hilang suara majoriti dua pertiga selepas tewas di Lunas kepada calon KEADILAN pada pilihan raya kecil 29 Nov 2000.

Dengan kematian Fadzil, PAS kini diterajui timbalannya Datuk Seri Haji Abdul Hadi Awang selaku Pemangku Presiden.

Abdul Hadi, Menteri Besar Terengganu yang juga Ahli Parlimen Marang turut menggantikan Fadzil sebagai ketua pembangkang di Parlimen.

Reaksi spontan susulan perlantikan Abdul Hadi itu ialah ramai yang ragu-ragu terhadap kepimpinan beliau, terutama selepas kerajaan negeri Terengganu meluluskan rang undang-undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas), yang menerima banyak tentangan terutama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) serta pertubuhan-pertubuhan wanita yang menganggapnya tidak memberi kesaksamaan kepada kaum Hawa.

Tahun 2002 turut mencetuskan petanda baik. Di sebalik perbezaan ideologi, UMNO dan PAS masih berupaya "bersatu" dalam membela umat yang tertindas.

Pada 8 Mei, Dr Mahathir dan Fadzil menandatangani satu deklaras bersejarah yang mengulangi sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Ramai memuji tindakan yang diambil oleh dua pemimpin Melayu itu yang turut berkongsi pentas untuk menyuarakan tentangan terhadap kekejaman Israel di bumi Palestin.

Rata-rata berpendapat acara itu boleh menyalakan semula harapan untuk merealisasikan cadangan perbincangan perpaduan Melayu antara dua parti Melayu terbesar itu. Perbincangan itu sehingga ini masih belum menjadi kenyataan kerana PAS mendesak agar Umno memenuhi beberapa syarat agar satu suasana perbincangan yang lebih selesa dapat diwujudkan.

Apa yang akan berlaku seterusnya sukar untuk diramalkan selepas kematian Fadzil.

KUMPULAN A DAN B DALAM MCA

Di dalam BN sendiri, krisis MCA antara kumpulan "A" diketuai presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan kumpulan "B" diketuai timbalan presiden Datuk Seri Lim Ah Lek, telah sampai ke tahap yang memerlukan campur tangan Perdana Menteri.

Sehubungan itu Dr Mahathir telah mengemukakan satu pelan perdamaian antara kedua-dua kumpulan itu.

Pelan itu meliputi pengekalan status quo semua penjawat kini MCA daripada peringkat bahagian dan ke atas sehingga tahun 2005. Ini bermakna sehingga itu tidak akan ada pertandingan dalam MCA untuk sebarang jawatan.

Pelan itu diterima oleh kedua-dua pihak tetapi perdamaian terbukti rapuh memandangkan Lim Ah Lek mengumumkan hasrat beliau untuk kembali aktif dalam politik, manakala pemimpin-pemimpin lain terus bersuara menentang antara satu sama lain.

Kejutan terbaru ialah pembatalan pendaftaran Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) oleh Pendaftar Pertubuhan pada 5 Nov, kerana gagal menyelesaikan krisis kepimpinannya yang berlanjutan sejak April.

Ia berpunca daripada perbalahan antara dua puak dalam parti itu yang masing-masing diketuai pemimpin veteran Datuk Amar James Wong dan Datuk William Mawan Ikom.

SNAP, ditubuhkan pada 1961, adalah satu daripada empat komponen BN di Sarawak selain Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Perselisihan itu melahirkan dua set pemegang jawatan dalam SNAP berikutan mesyuarat agung luar biasa (EGM) pada Ogos yang memilih Mawan sebagai presiden.

Wong, yang telah mengetuai parti itu sejak 21 tahun mendakwa bahawa beliau masih presiden de-facto dan EGM yang diadakan itu adalah "rampasan kuasa" oleh kumpulan penentang.

PBRS, KEGEMBIRAAN PILIHAN RAYA KECIL

Satu krisis kepimpinan yang serupa juga berlaku dalam Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) tetapi berbeza kesudahannya dengan pengekalan status-quo penyandang jawatan.

Isu dua presiden PBRS, iaitu Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan, diselesaikan selepas Pendaftar Pertubuhan mengisytiharkan bahawa Tan Sri Joseph Kurup kekal sebagai presiden parti.

Berikutan itu Dr Jeffrey dipecat daripada PBRS.

Di sebalik pelbagai kemelut itu keutuhan BN tetap terpelihara. Ia berjaya mengekalkan kerusinya di DUN Ketari pada pilihan raya kecil 31 Mac dengan menang majoriti besar mengalahkan lawannya daripada DAP.

Kemantapan kedudukan itu turut memudahkan Dr Mahathir membuat rombakan kecil kabinet dengan melantik Datuk Dr Jamaluddin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua pada 19 Nov.

Beliau juga melantik Setiausaha Kerja Umno dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin pula dilantik sebagai Timbalan Menteri di kementerian yang sama, manakala penyandang terdahulu, Datuk Khalid Yunus, ditukarkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai Timbalan Menteri.

AFY KGO CR RR AM